

12 NOV 1998

UNIVERSITI TINGKATKAN KEMUDAHAN PENGINAPAN PELAJAR

KUALA TERENGGANU, 12 Nov (Bernama) -- Universiti Putra Malaysia (UPM), Terengganu sedang meningkatkan lagi kemudahan penginapan pelajarannya bagi kampusnya di Mengabang Telipot, dekat sini mulai sesi pengajian tahun depan.

Timbalan Rektornya Prof Madya Dr Mohd Zaki Datuk Mohd Said berkata sebuah asrama yang dijangka mampu menempatkan lebih 1,000 pelajar sedang dalam pembinaan dan dijangka siap menjelang sesi baru itu.

Buat masa ini, hampir 80 peratus pelajar kampus itu tinggal di asrama, katanya kepada pemberita hari ini.

Beliau berkata asrama dalam kawasan kampus itu mampu menampung 800 pelajar manakala asrama di luarnya iaitu di Taman Mahathir dan Tok Jembal, menempatkan 800 lagi pelajar,

UPM Terengganu kini mempunyai 2,037 pelajar bagi kursus peringkat diploma, ijazah dan ijazah lanjutan, katanya.

Dr Mohd Zaki berkata seramai 1,000 pelajar baru akan diambil untuk sesi pengambilan Julai tahun depan manakala beberapa lagi kursus baru seperti pogram kejuruteraan mekanikal dan sivil akan turut ditawarkan.

-- BERNAMA

SBS NMO